

Tidak mustahil pertumbuhan ekonomi 8 peratus — PM

UM 26 FEB 2000

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah tidak mustahil bagi Malaysia mencapai semula pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus setahun walaupun kerajaan hanya meramalkan pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus bagi tahun ini.

Perdana Menteri berkata, ini

adalah berdasarkan kejayaan negara mencatatkan kadar pertumbuhan di luar jangkaan pada tahun lalu yang merupakan antara yang terbaik di rantau Asia Timur.

“Ada kemungkinan. Seperti yang kita lihat, tahun lalu kerajaan menjangkakan pertumbuhan awal antara satu peratus kepada 4.3 peratus tetapi sebenarnya kita mencapai pertumbuhan 5.4 peratus.

“Kejayaan ini adalah sangat baik berbanding negara-negara lain. Saya rasa hanya Korea yang lebih baik daripada kita,” kata beliau kepada pemberita selepas pembentangan semula Belanjaan 2000 oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat hari ini.

Dr. Mahathir menjawab soalan pemberita sama ada negara mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus

seperti yang pernah dicapai sebelum kegawatan ekonomi.

Dalam pembentangan belanjaan hari ini, Daim berkata, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara meningkat dari 4.1 peratus pada suku kedua tahun lalu kepada 8.2 peratus pada suku ketiga dan seterusnya 10.6 peratus pada suku keempat.

Dengan peningkatan itu,

■ Lihat muka 4

Tidak mustahil pertumbuhan ekonomi 8 peratus — PM

KDNK benar negara selepas disemak semula ialah 5.4 peratus berbanding anggaran 4.3 peratus seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjaan 2000 pada bulan Oktober tahun lalu.

Mengenai ramalan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.8 peratus bagi tahun ini yang disifatkan konservatif, Dr. Mahathir berkata, jangkaan tersebut memang konservatif kerana ia dibuat berdasarkan kepada pertumbuhan tahun lalu, sama seperti jangkaan tahun 1999 yang dibuat berdasarkan pertumbuhan tahun 1998.

Bagaimanapun, tegasnya, kerajaan menjangkakan pertumbuhan akan lebih rancak tahun ini berdasarkan kadar pertumbuhan yang dicapai pada tahun lalu.

Mengenai inflasi, beliau tidak menjangkakan kadar inflasi negara akan meningkat dengan begitu tinggi dan mendadak kerana kerajaan sentiasa memantau kadar inflasi semasa.

“Di negara ini, kerajaan memantau pergerakan harga dengan begitu teliti dan kita juga mengenakan kawalan terhadap barangan keperluan utama.

“Kalaupun berlaku kenaikan kadar inflasi, ia tidak akan begitu tinggi kerana semua barangan keperluan yang menjadi punca utama inflasi sentiasa di bawah kawalan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebarang kenaikan harga akan diseimbangkan bagi mengelakkan kadar inflasi meningkat dengan keterlaluan.

Gawat

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, Malaysia berjaya mengurangkan import kerana semasa kegawatan ekonomi negara kerajaan telah menetapkan supaya barangan import digantikan dengan barangan keluaran tempatan.

“Import negara hanyalah barangan perantaraan yang kemudian diginnakan untuk mengeluarkan barangan kita sendiri untuk dieksport,” katanya.

Sehubungan itu, tegasnya, pertumbuhan ekonomi negara dan permintaan dalam negeri yang lebih mantap tidak akan membawa kepada peningkatan import yang terlalu tinggi.